

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 3 TAHUN 2017**

**Akuan Berkanun Pindahmilik Dan Gadaian Hakmilik Tanah
Sebagaimana Peruntukan Seksyen 15(f) Kanun Tanah Negara**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan supaya melaksanakan ‘Akuan Berkanun’ sebagai dokumen sokongan untuk melindungi pegawai yang melaksanakan penyaksian Urusniaga Tanah dari dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

2. Arahan ini juga berdasarkan peruntukan Seksyen 15 (f) Kanun Tanah Negara menyatakan kuasa Pengarah Negeri, Pendaftar dan Pentadbir-Pentadbir Tanah untuk menghendaki apa-apa permohonan yang dibuat kepadanya menurut peruntukan-peruntukan Akta ini disokong oleh apa-apa afidavit atau akuan berkanun yang difikirkannya perlu atau patut;


3. ‘Akuan Berkanun’ ini hendaklah dilaksanakan sebagaimana berikut:

- i. hendaklah dilaksanakan di hadapan Hakim Mahkamah Seksyen, Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau Notari Awam yang tidak terlibat dengan penyaksian berkenaan;
- ii. dikenakan bayaran prasipi; dan
- iii. disimpan bersama borang 14A.

4. Semua Pentadbir Tanah juga dinasihatkan menggunakan pakai Sistem SELAMAT SPTB yang dibekalkan kepada semua Pejabat Tanah Negeri Kelantan untuk mempastikan kesahihan identiti pemilik tanah.

5. Bersama-sama ini disertakan contoh borang ‘Akuan Berkanun’ sebagai panduan pelaksanaan oleh semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

6. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan arahan ini.


DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K. (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

AKUAN BERKANUN
(GADAIAN)

(51/72128)

Saya.....No.K.P.(Lama):.....

No.K.P.(Baru):.....Beralamat:.....
.....
.....

Dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

Dengan rela hati untuk menggadaikan tanah hakmilik saya, iaitu :.....
.....

bagi maksud pinjaman untuk diri sendiri / pinjaman kepada.....

No.KP.(Baru).....beralamat.....
.....

yang berjumlah sebanyak RM.....Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas gadaian ini dan tidak akan membabitkan mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menyaksikan gadaian ini sekiranya berlaku apa-apa perlanggaran atau ketidakpatuhan kepada undang-undang dan peraturan. Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui

Oleh yang tersebut namanya di atas.....
.....

di.....

di dalam Negeri.....

pada....., 20.....



.....
Tandatangan/cap jari

Dihadapan saya,

.....
(Tandatangan Hakim Mahkamah Seksyen,
Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau Notari Awam)

mengikut perkara sebagaimana peruntukan Seksyen 15(f) Kanun Tanah Negara

AKUAN BERKANUN
(PINDAH MILIK)

(51/72128)

Saya,.....No.K.P.(Lama).....

No.K.P.(Baru):.....Beralamat:.....
.....
.....

Dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

Dengan rela hati untuk memindahkan tanah hakmilik saya, iaitu:.....

.....atau
sebagaimana lampiran kepada.....

.....No.K.P.(Baru).....atau
sebagaimana nama lampiran* dengan balasan jumlah wang RM...../...../
kasih sayang / tanpa balasan*. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pindah milik ini dan tidak akan membabitkan mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menyaksikan pindah milik ini sekiranya berlaku apa-apa perlanggaran atau ketidakpatuhan kepada undang-undang dan peraturan. Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui
oleh yang tersebut namanya di atas.....

.....di.....

di dalam Negeri.....

pada....., 20.....

}

Tandatangan/cap jari

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Hakim Mahkamah Seksyen,
Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau Notari Awam)

#Mengikut perkara sebagaimana peruntukan Seksyen 15(f) Kanun Tanah Negara 1965

*Potong sebagaimana yang sesuai